

ІВАІВ

ІКЕ ІСІДОР АУ



## RUMUSAN DAN CADANGAN

### Pendahuluan.

Penyelesaian akan dibincangkan dari dua aspek iaitu kurikulum dan pentadbiran kerana ke dua-duanya dapat membincangkan penyelesaian kepada masalah-masalah yang dibangkitkan di Bab 3.

### Kurikulum.

Penyelesaian bagi masalah yang wujud di dalam pengajian Bahasa Arab di Akademi Islam iaitu pelajar, tenaga pengajar, sukanan pelajaran dan periksaan seharusnya dilihat dari sudut yang luas iaitu kurikulum, bukan berdasarkan kepada setiap masalah yang dibangkitkan.

Penyusunan kurikulum Bahasa Arab seharusnya mempunyai empat aspek iaitu tujuan pengajian Bahasa Arab, penyusunan isi pengajian, kaedah pengajarannya dan penilaian bagi pencapaian pelajar. Ke empat-empatnya perlu bantu membantu antara satu sama lain dalam mewujudkan satu sistem yang stabil, berjaya dan ideal.

Penyusunan satu sistem yang ideal adalah mustahil untuk dicapai. Tetapi jika perancangan tidak diuji dari sekarang maka sebarang langkah ke arah kurikulum yang ideal tidak akan terbentuk.

Keempurnaan kurikulum pengajian Bahasa Arab di Akademi Islam juga tidak hanya terbeban kepada pihak pentadbiran Akademi Islam

sahaja tetapi mestilah dikongsisikan dengan semua tenaga pengajar Bahasa Arab kerana mereka lebih mengetahui tentang mata pelajaran Bahasa Arab dan mereka juga yang terlibat secara langsung dengan para pelajar. Perwakilan dari pihak-pihak yang terlibat adalah tidak semudah kerana seringkali nya keadaan seperti ini mengakibatkan mereka tidak mendapat maklumat yang sempurna dan jelas tentang setiap perkara yang diputuskan. Mereka juga tidak dapat menyuarakan pandangan mereka untuk di perbincangkan secara bersama.

Penulisan seterusnya akan membincangkan setiap aspek dalam kurikulum pengajian Bahasa Arab dari perspektif penulis sebagai pelajar.

#### **4.1.1 Matlamat pengajian Bahasa Arab.**

Akademi Islam mempunyai matlamat yang unggul ketika menawarkan pengajian Bahasa Arab iaitu untuk melahirkan pelajar-pelajar yang selain sahaja berkemampuan dalam bidang agama bahkan mampu untuk self-jihad dan mengeluarkan hukum. Oleh itu mereka telah membuat suatu matlamat pengajaran Bahasa Arab yang sesuai dengan cita-cita mereka itu sebagaimana yang wujud sekarang ini.

Memandangkan pelajar-pelajar Akademi Islam masih tidak berkemampuan untuk menguasai Bahasa Arab maka matlamat itu telah dikendalikan kepada penguasaan Bahasa Arab sahaja dan iaanya telah disetujui. Tetapi sukuhan pelajaran Bahasa Arabnya tidak berubah.

Melihat kepada matlamat pengajian Bahasa Arab yang baharu itu,

dapatlah dijangka bahawa pihak pentadbir mahu pelajar-pelajar yang mengikuti kursus pengajian Bahasa Arab ini:-

- .. Berkebolehan untuk bertutur di dalam Bahasa Arab apabila bercakap dalam kadar kecepatan yang normal dan berkebolehan membincangkan perkara-perkara biasa yang tidak bersifat teknikal.
- .. Berkebolehan untuk menggunakan bahasa pertuturan dengan sebutan yang standard dan kaedah nahu yang betul.
- .. Mudah untuk membaca buku-buku Bahasa Arab dengan kadar kesukaran bahasa yang biasa.
- .. Berkebolehan untuk menulis dengan betul dan standard di dalam tajuk-tajuk yang berkisar pada pengalaman pelajar.

Ke empat-empat matlamat di atas sangat penting untuk pelajar-pelajar Akademi Islam bersetujuan dengan tanggungjawab mereka sebagai penyebar dakwah yang lebih berkesan selepas tamat pengajian, sebagaimana yang dicita-citakan di dalam matlamat penubuhan Akademi Islam. (Lihat lampiran B)

Ia juga memepati kehendak majoriti pelajar Akademi Islam melihatkan kepada keghairahan mereka untuk mencapai kebolehan seperti di atas di bandingkan dengan beberapa orang sahaja yang berminat dengan pembelajaran kaedah dan teori bahasa.

Kecenderungan majoriti pelajar ini menggambarkan kecenderungan masyarakat semasa. Dan sesuatu pembentukan kurikulum pula mestilah melihat kepada realiti semasa. Oleh itu adalah sesuatu yang amat wajar bagi Akademi Islam mengubah matlamat pengajian Bahasa Arab kepada

sepatlah dijangka bahawa pihak pentadbir mahu pelajar-pelajar yang mengikuti kursus pengajian Bahasa Arab ini:-

- .. Berkebolehan untuk bertutur di dalam Bahasa Arab apabila bercakap dalam kadar kecepatan yang normal dan berkebolehan membincangkan perkara-perkara biasa yang tidak bersifat teknikal.
- .. Berkebolehan untuk menggunakan bahasa pertuturan dengan sebutan yang standard dan kaedah nahu yang betul.
- .. Mudah untuk membaca buku-buku Bahasa Arab dengan kadar kesukaran bahasa yang biasa.
- .. Berkebolehan untuk menulis dengan betul dan standard di dalam tejuk-tajuk yang berkisar pada pengalaman pelajar.

Ke empat-empat matlamat di atas sangat penting untuk pelajar-pelajar Akademi Islam bersetujuan dengan tanggungjawab mereka sebagai penyebar dakwah yang lebih berkesan selepas tamat pengajian, mengalimana yang dicita-citakan di dalam matlamat penubuhan Akademi Islam. (Lihat lampiran B)

Ia juga memepati kehendak majoriti pelajar Akademi Islam diilhatkan kepada keghairahan mereka untuk mencapai kebolehan seperti di atas di bandingkan dengan beberapa orang sahaja yang berminat dengan pembelajaran kaedah dan teori bahasa.

Kecenderungan majoriti pelajar ini menggambarkan kecenderungan perarakat semasa. Dan sesuatu pembentukan kurikulum pula mestilah melihat kepada realiti semasa. Oleh itu adalah sesuatu yang amat wajar bagi Akademi Islam mengubah matlamat pengajian Bahasa Arab kepada pengajian berbentuk kemahiran.

#### 4.1.2 Sukatan pelajaran Bahasa Arab.

Sukatan pelajaran Bahasa Arab di Akademi Islam seharusnya berdasarkan kepada matlamat pengajian Bahasa Arab itu sendiri. Oleh kerana matlamat pengajian Bahasa Arab di Akademi Islam adalah untuk kemahiran Bahasa Arab, maka sukatan pelajaran Bahasa Arab mestilah menggariskan ke empat-empat aspek kemahiran iaitu pertuturan, pembacaan, penulisan dan pendengaran (kefahaman).

Orang yang bertanggungjawab untuk membuat sukanan pelajaran Bahasa Arab ialah mereka yang mempunyai pengetahuan Bahasa Arab sebagai bahasa kemahiran. Jika perlu maka adalah tidak merugikan untuk ahli fakulti meniru sukanan pelajaran yang telah digariskan oleh universiti-universiti luar negeri yang mengemukakan kursus Bahasa Arab sebagai bahasa ke dua dengan tidak mengabaikan suasana-suasana masyarakat Malaysia.

Sebahagian guru berpendapat bahawa adalah lebih baik untuk pelajar Akademi Islam didedahkan dengan sukanan pelajaran Bahasa Arab yang bercorak kemahiran di peringkat Kursus Persediaan Pra, sementara di peringkat fakulti pelajar-pelajar akan didedahkan dengan sukanan pelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa Ilmu yang menekankan tentang saedah Bahasa Arab.\*

Sebahagian lagi berpendapat bahawa sukanan pelajaran yang lebih kesan untuk pelajar Akademi Islam adalah dengan mencampurkan ke dua-dua kemahiran dan ilmu serentak.\* Corak begini adalah untuk mengelakkan pelajar-pelajar Akademi Islam berlebolehan untuk

bertutur, menulis, membaca dan mendengar, tidak di dalam keadaan buta terhadap nahu dan saraf. Lagi pun pelajar-pelajar Akademi Islam bukan hanya merujuk kepada kitab-kitab tulisan di zaman moden sahaja malahan juga akan merujuk kepada kitab-kitab utama karangan ulamak-ulamak mutabar. Untuk membaca kitab-kitab tua menurut pendapat ini, pelajar-pelajar perlu mengetahui kaedah-kaedah nahu. Oleh itu sukanan pengajaran seharusnya memberi penekanan kepada kaedah Bahasa Arab setanyak 70%, sementara kaedah kemahiran hanya 30% sahaja.

Pendapat yang lain pula menyatakan bahawa pelajar perlu dideahkan kepada corak pengajian kemahiran sehingga ke peringkat tertentu kerana pelajar-pelajar Akademi Islam bukan berbangsa Arab dan mereka memerlukan masa yang banyak untuk menguasai kemahiran Bahasa Arab di dalam suasana persekitaran Malaysia yang tidak menyokong perkembangan kemahiran yang baik.\*

Pendapat ini berpegang kepada Kaedah Kesepadan Amali.\*\* Kaedah ini hanya menekankan kepada penguasaan bahasa, bukarn penguasaan kaedah bahasa. Bagi mereka ini, nahu, balaghah, saraf atau kesusastraan Arab hanya sebagai wasilah untuk mempelajari bahasa sahaja. Oleh itu adalah memadai jika pelajar-pelajar Akademi Islam diajarkan asas-asas bahasa sahaja. Sementara kaedah Bahasa Arab sepatutnya diajar kepada orang yang akan menggunakanya sebagai satu profession sahaja seperti mengajar.

Kesemua pihak yang terlibat dengan pengajaran Bahasa Arab mula bertarik dengan kaedah pengajaran kemahiran berdasarkan aliran ini sekiralah diberi penerangan.

Daripada ke tiga-tiga pendapat yang diutarakan, penulis merasakan bahawa pendapat yang pertama sesuai dileksanakan di Akademi Islam berdasarkan kepada ia mampu untuk membawa pelajar memenuhi ke dua-dua tujuan pengajian Bahasa Arab di Akademi Islam iaitu penguasaan kemahiran Bahasa Arab dan penguasaan ilmu atau falsafah Bahasa Arab.

Selain itu, masa yang diperuntukkan dalam Kursus Persediaan Pra-akademik pengajian Bahasa Arab adalah lebih banyak dibandingkan dengan masa yang diperuntukkan di peringkat fakulti iaitu hanyalah 4 jam seminggu sahaja.

Itu juga dapatlah bahawa di peringkat ini tidak banyak persaingan antara mata pelajaran-mata pelajaran lain untuk diberikan perhatian dan tidur. Oleh itu sebarang bentuk pengajian kemahiran bahasa dapat mengelupasi persekitaran pelajar dengan lebih baik dan bebas.

Di samping itu pelajar-pelajar yang mengikuti pengajaran bentuk kemahiran ini akan merasa lebih yakin untuk menghadapi pengajaran berbagai ilmu-ilmu Islam di peringkat fakulti.

Pelajar-pelajar akan juga berkemampuan untuk membaca kitab-kitab Islam kerana pembacaan kitab-kitab utama yang cekap akan terhasil jika mereka mempunyai kemahiran membaca yang baik dan kemudiannya mendapat pendedahan yang lebih kerap kepadanya. sementelah pula pengajaran berterusan kemahiran ini tidak meninggalkan langsung pembelajaran kaedah membaca.

Jika ternyata kemudiannya bahawa pendedahan kemahiran selama dua tahun tidak memadai untuk menyediakan pelajar yang berkemahiran di

Islam Bahasa Arab, maka pendapat yang ke tiga di atas iaitu dilaksanakan. Tidak ada banyak manfaatnya untuk meneruskan perancangan yang tidak dianggap berjaya selepas penilaian dibuat. Begipun adalah mustahil untuk pelajar-pelajar menguasai keadaan Bahasa Arab dengan baik sebelum menguasai kemahiran.♦

Corak pengajian menurut pendapat ke dua puluh telah sekian lama dianjurkan kepada pelajar-pelajar Akademi Islam dan jelas bahawa hasilnya masih jauh dari memuaskan. Malu bagaimanapun keadaan ini akan berlaku kerana perlaksanaan kemahirannya tidak menyeluruh dan hanya berkisar pada kemahiran membaca sahaja, sedangkan kemahiran membaca yang sebenarnya adalah tidak mencukupi untuk pelajar Akademi Islam. Mereka juga selalu diberi kesempatan untuk didekah dengan kemahiran pendengaran (kefahaman), perkutur dan menulis supaya mereka dapat memberi pendapat, berbincang dan menjawab soalan-soalan secara intelektual di peringkat fakulti. Peraturan yang berlaku sekarang ini ialah sebarang perbincangan di kelas masih banyak dimonopoli oleh tenaga pengajar tanpa ada sebarang tindak tegas yang baik daripada pelajar. Ada kemungkinannya jika sukanan pelajaran bercorak begini dapat dilaksanakan dengan cekap dan menyeluruh, ia masih boleh diterima sebagai satu alternatif lain untuk mengantarkan sukanan pelajaran di Akademi Islam.

#### 4.1.3 Keadaan pengajaran Bahasa Arab di Akademi Islam.

Keadaan pengajaran Bahasa Arab mestilah berseuaian dengan semua kurikulum pengajaran Bahasa Arab iaitu, matlamatnya mestilah untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam

Bahasa Arab.

ia mestilah menepati tajuk-tajuk yang tersedia di dalam sukanan pengajaran Bahasa Arab agar pengajaran tidak terkeluar dari garis-garis akademik Akademi Islam.

ia mestilah berhasil untuk melahirkan pelajar yang mampu melepas diri dengan penilaian kemahiran Bahasa Arab.

Kaedah-kaedah Bahasa Arab yang sepatutnya digunakan di Akademi Islam ialah kaedah pengajaran yang berkoncep moden, sesuai dengan perkembang yang sentiasa berubah. Oleh kerana matlamat pengajaran Bahasa Arab adalah untuk kemahiran, maka pengajaran berkoncep moden ini perlu lulus menjurus kepada kemahiran.

Tenaga pengajar seharusnya diberi kursus perguruan mengajar Bahasa Arab sebagai bahasa I : dua supaya ia dapat mempelajari asas-pengajaran yang baik samada dari segi kaedah pengajaran, sukanan dan teknik yang digunakannya. Tetapi guru yang sedar tidak mudah berpuas hati dengan apa yang dipelajarinya tanpa membuat kajian penerusan untuk pengajaran yang paling berkesan.

Kaedah pengajaran moden yang sering dipakai ialah kumpulan dalam bilik darjah, kaedah projek, pengajaran berpasukan, pengajaran berseorangan, kaedah darjah terbuka dan pengajaran terang. Untuk mengetahui apakah maksud bagi setiap kaedah ini, silah dilihat di dalam buku 'Keadaan dan teknik pengajaran, karangan Zewawi Haji Ahaad.

Dr. 'Ariff juga ada menggariskan beberapa kaedah pengajaran

Bahasa Arab berbentuk kemahiran di dalam kertas kerjanya yang boleh dijadikan panduan oleh tenaga pengajar Bahasa Arab. Kertas kerja itu bertajuk 'Taqnihat Al-Hadithah Fi Ta'llim Al-Lughat Al-'Arabiyyat Li Shiri 'Arab'.

Walau bagaimanapun pelajar-pelajar Akademi Islam seapunya mendapat mereka sendiri terhadap aktiviti pengajaran Bahasa Arab yang digemari mereka sebagaimana yang mereka luahkan secara ringkas di dalam kertas soal selidik. Menurut Dr. Omar Mohammad Al-Toumy Al-Syabani, melakukan berbagai-bagai aktiviti yang dicintai oleh pelajar akan meningkatkan motivasi mereka. Guru-guru perlu memelihara motivasi pelajar-pelajar untuk menjamin sikap positif mereka terhadap pembelajaran.7

Diantara kaedah pengajaran-pembelajaran yang digemari oleh pelajar-pelajar Bahasa Arab di Akademi Islam:-

1. Aktiviti yang cergas, menggembirakan dan berkesan seperti memberi ceramah, perdebatan, perbualan bercerita dan sebagainya yang merupakannya. Aktiviti-aktiviti seperti ini sebenarnya lebih digemari oleh mereka-mereka yang berkemampuan di dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Namun begitu mereka masih tidak berkeyakinan dengan penguasaan kemahiran mereka. Oleh kerana itu setiap aktiviti hendaklah dijalankan secara berperingkat-peringkat, iaitu daripada mudah kepada yang lebih sukar.

#### 1. Ceramah atau pidato.

Sebagai permulaan, pelajar hanya perlu menghafal satu petikan

ipada buku-buku Bahasa Arab dan kecudian mengucapkan semula di dalam pelajar-pelajar lain sehingga sebutan Bahasa Arab mereka tidak lagi kaku. Daripada aktiviti begini mereka akan mendapat usul-usul Bahasa Arab yang baik. Guru berperanan untuk memilih buku-buku yang sesuai dengan tahap kebolehan dan kemudahan pelajar.

Kemudian mereka bolehlah diminta menulis sendiri ceramah mereka mengenai nometik ayat-ayat yang berusulub baliq dari buku-buku berbahasa Arab. Selepas beberapa lama, m'st. setiakah menulis sendiri ceramah mengenai mereka dengan nahu yang betul dan usulub Bahasa Arab yang ringkas.

Tahap yang seterusnya, pelajar seharusnya telah beraidia untuk memberi ceramah secara spontan. Aktiviti seperti ini dapat meletih pelajar-pelajar Akademisi Islam untuk menghadapi masyarakat.

### ii. Temubual.

Setiap pelajar dikehendaki mengadakan temubual dengan pensyarah guru Bahasa Arab dengan menggunakan Bahasa Arab. Pada tahap pertama, persoalan pelajar hanya dibuat di sekitar kehidupan atau biografi seseorang guru itu. Selepas itu, proses temubual boleh membangun kepada tajuk-tajuk lain yang lebih berat seperti meminta pendapat tentang sesuatu perkara. Selepas setiap temubual pelajar dikehendaki membuat laporan bertulis perbualan mereka di dalam Bahasa

### III. Pembacaan.

Pelajar-pelajar diberikan petikan-petikan yang mudah dan menarik dibaca dan difahami. Kemudian pelajar dikehendaki menjelaskan yang telah mereka fahami dari petikan itu tadi. Selepas itu an hendaklah diterjemahkan oleh pelajar ke dalam Bahasa Melayu standard.

Dengan pembelajaran ini boleh terus dilengkapkan kepada pembacaan yang mudah dan kemudian kepada kisah-kisah tua ( ) karangan imam-imam terdahulu.

Selain daripada itu pelajar-pelajar juga boleh didedahkan dengan berbagai-bagi aktiviti lain seperti perdebatan atau perbualan kita.

Pelajar juga mengemari aktiviti pengajaran pembelajaran dengan menggunakan alat-alat Audio Visual seperti radio, kad-kad bergambar, dan sebagainya. Peralatan moden ini mampu untuk menjadi alternatif pengganti untuk pelajar supaya mereka lebih mudah mengingat makalah-makalah perkataan yang baharu.

Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa penggunaan alat-alat ini tidak begitu berkesan kepada pelajar-pelajar Bahasa Arab. Pendapat ini tidak benar. Cara ini mampu untuk meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar. Ia juga boleh mendedahkan pelajar kepada makalah Bahasa Arab yang asli walaupun cuma untuk satu atau dua jam seminggu.

Terdapat banyak buku yang mencerangkan tentang cara penggunaan alatan Audio Visual di dalam pengajaran, yang boleh dibaca oleh guru Bahasa Arab di Akademi Islam sebagai penambahhan pengetahuan. Antaranya ialah buku yang bertajuk 'Audio-Visual Aids for teaching English' yang ditulis oleh seorang ahli bahasa ataupun buku 'Simple Visual Aids to foreign language' yang ditulis oleh W. R Lee dan Copper, juga di dalam buku 'Kaedah dan teknik pengajaran' oleh Zawawi Haji Ahmad.

Ternyata bahawa kecenderungan kehendak pelajar Akademi Islam berbeza dengan kecenderungan kehendak pelajar-pelajar terdahulu. Ini mengangkat perubahan pemikiran dan kehendak masyarakat, sesuai dengan perubahan masa dan kemajuan.

Ragaimanakah pula kaedah paling baik untuk pelajar-pelajar yang berminat dengan mata pelajaran Bahasa Arab dan lambat pula untuk lengkap pengajaran?

Kebiasaan mereka yang tidak berminat terhadap mata pelajaran Bahasa Arab di Akademi Islam ialah mereka yang sukar hendak mengasinya. Jadi sesuatu musti dilakukan oleh tenaga pengajar untuk menarik minat pelajar-pelajar ini sebelum sebarang aktiviti yang diadangkan di atas dapat dilaksanakan kepada mereka.

Diane Griffin berkata,

"The most important problem to solve when dealing with slow learners is to find a way to overcome their attitude to themselves and their feeling of lack of self-worth".

Apabila perasaan kekurangan nilai diri dapat diliris dari jiwa

pelajar, maka sebarang aktiviti yang dijalankan keatas mereka dapat menerima dengan penuh tanggungjawab dan gembira.

Tenaga pengajar juga perlu menunjukkan kepada pelajar bahawa mereka benar-benar memberikan perhatian kepada kumpulan pelajar ini dengan merancang dan menyediakan bahan-bahan pengajaran yang pelbagai sehingga pelajar tidak mudah merasa jemu.

Tenaga pengajar juga boleh membuat satu projek bersama pelajar tentang tajuk-tajuk mata pelajaran Bahasa Arab atau membuat satu kumpulan cerita kanak-kanak yang dimuatkan dalam satu buku.

Pelajar-pelajar juga hendaklah sentiasa diberitahu tujuan dan makna pembelajaran Bahasa Arab samada dari sudut agama ataupun kehidupan seharian.

Akhir sekali, adalah menjadi tanggungjawab seorang guru untuk membantu sikap mereka sendiri dan bersedia untuk membuat perubahan kaedah pengajaran mereka jika ternyata bahawa kaedah-kaedah yang digunakan sebelum ini tidak memberikan kesan yang baik kepada pelajar.

Aktiviti-aktiviti cadangan di atas mengandungi ke lima-lima hal yang penting keeadah pengajaran iaitu menjaga motivasi pelajar, memahatkan tujuan pelajar, memilihara tahap komitangan dan persediaan pelajar, mengajar berdasarkan perbezaan perseorangan dan sentiasa mengajar secara praktikal yang berulang-ulang untuk mencapai satu kesan pembelajaran yang sihat.

#### 4.1.4 Penilaian.

Proses penilaian seling berkaitan dengan objektif, kaedah pengajaran dan sukanan pelajaran. Ini adalah kerana ia menjadi penanda kepada tahap pencapaian pelajar selepas proses pembelajaran.

Lebih tiga-tiga aspek kurikulum Bahasa Arab menitikkan sosial-pelajaran, maka penilaian yang dibuat juga mestilah berdasarkan kepada kejayaan pelajar di dalam penguasaan Bahasa Arab dapat bertepat kepada sejauh mana objektif penguasaan Bahasa Arab tercapai apabila penilaian dibuat.

#### 4.2 Pentadbiran.

Risihak pentadbir adalah tunggal penting untuk menjalankan usaha-susulan penyelesaian kepada masalah-masalah yang dibangkitkan kerana perkembangan yang akan dilaksanakannya sehingga menjadi pernyataan. Keberjayaan dan kejayaan sesebuah pentadbiran sering dilihat berdasarkan pada perlaksanaan yang dibuat.

Pentadbiran bagi pengajian Bahasa Arab di Akademi Islam terletak dalam dua kuasa iaitu Pusat Bahasa dan Akademi Islam sendiri. Masing-masing satunya bertanggungjawab untuk menyelesaikan bidang kuasa masing-masing.

##### 4.2.1 Pusat Bahasa.

Pusat Bahasa berfungsi sebagai pembekal guru-guru Bahasa Arab kepada pelajar-pelajar Akademi Islam. Guru-guru Bahasa Arab tersebut seharusnya mengetahui kaedah pengajaran Bahasa Arab sebagai bahasa

rahiran.

Oleh itu Pusat Bahasa perlu melaksanakan program-program penyelarasan dan peningkatan tahap keberkesanan pengajaran tenaga pengajar kerana seorang guru walaupun masih baharu atau pun yang telah berpengalaman, tidak akan menolak sebarang cadangan yang dirasakan positif dan membina.

Antara yang boleh dilakukan oleh Pusat Bahasa untuk melatihkan guru ialah -

1. Mengadakan muktamar yang membincangkan tentang kaedah-kaedah pengajaran Bahasa Arab sebagai bahasa ke dua.

2. Mengatur projek lawatan ke Universiti lain samada dalam atau luar negara yang menawarkan kursus Bahasa Arab sebagai bahasa ke dua. Guru-diketahui hendaklah melakukan observasi terhadap kaedah pengajaran yang dilaksanakan di sana. Lawatan itu perlu diisi dengan perundingan supaya guru-guru dapat bertanyakan soalan-soalan kepada tenaga pengajar model itu tadi. Sekembali dari lawatan, perundingan singkat dilaksanakan sesama guru untuk membincangkan samada teknik yang digunakan oleh tenaga pengajar di universiti yang lain itu sesuai dilaksanakan di Akademi Islam.

3. Mengatur lawatan ke kelas-kelas di Akademi Islam sendiri. Guru-boleh melaksanakan observasi ke atas pengajaran guru-guru Bahasa yang terlatih atau mana-mana guru yang didapati mempunyai kaedah pengajaran yang cemerlang dan berkesan. Penyelarasian kaedah pengajaran ini akan menjamin rasa puas hati pelajar-pelajar Akademi Islam terhadap sebarang penilaian yang dibuat di akhir penggal.

Membuat kajian dan projek berdasarkan masalah yang timbul dalam pengajaran Bahasa Arab atau pun berdasarkan kepada tajuk-tajuk keselerungan seseorang guru itu.

2. Membuat perundingan dengan pensyarah-pensyarah fakulti Akademi Islam untuk mendapat kerjasama mereka dalam usaha mencapai kesepadan antara pengajaran-pembelajaran dengan mata pelajaran lain di Akademi Islam yang berkaitan dengan pelajar-pelajar.

3. Melatih guru untuk menyediakan soalan-soalan penilaian untuk tajuk Bahasa Arab atau pun untuk peperiksaan di hujung semester penggal. Juga melatih mereka supaya mereka mengetahui cara-cara yang menggunakan hasil keputusan penilaian pelajar untuk memperbaiki lagi kaedah pengajarannya.

#### Kadangan perancangan untuk Pusat Bahasa.

1. Pengurusi Bahasa Arab cuba melakukan beberapa perubahan untuk mengalihalkan pelajar-pelajar Akademi Islam yang mampu untuk menguasai Bahasa Arab. Oleh itu ia telah mencadangkan agar semua calon ke Akademi Islam hendaklah diambil dari kursus Persediaan Pra sahaja. Pelajar-pelajar dari STPM yang bermingat untuk ke Akademi Islam akan diwaduh terlebih dahulu, supaya penerimaan yang dibuat adalah yang terbaik. (lihat lampiran H)

Serentak dengan itu beliau telah memikirkan untuk mendapatkan 79 orang guru Bahasa Arab dalam jangka masa 5 tahun untuk Akademi Islam. Berdasarkan kepada kemungkinan berikutnya pertambahan pelajar sebanyak 18% setiap tahun.

Yang difahami dari perancangan di atas ialah pelajar-pelajar kursus Persediaan Pra akan bertambah dan mereka akan dibekalkan dengan sistem pembelajaran-pengajaran Bahasa Arab berbentuk kemahiran selama lima tahun. Sementara di peringkat fakulti mereka akan mempelajari Bahasa Arab sebagai bahasa ilmu.

Jika perancangan tersebut berbentuk demikian, maka guru yang dibutuhkan sepatutnya hanyalah 59 orang sahaja untuk Akademi Islam Darul Hikmah. Berdasarkan kepada guru-guru bagi kursus Persediaan Pra kekal seperti dirancangkan iaitu 52 orang dan guru bagi peringkat fakulti hanyalah 7 orang sahaja. Tujuh orang guru di peringkat fakulti itu memberi kuliah dan tutorial selama 15 jam seminggu.

Sessi.	Bil. Pelajar.	Bil. Kelas.	Bil. Jam.	Bil. Pensyarah.
1990/91	1097	55	59	4
1991/92	1295	63	69	4
1992/93	1528	76	80	5
1993/94	1803	90	94	6
1994/95	2127	106	110	7

Jadual 13: Projeksi keperluan guru Bahasa Arab sehingga 1994/95.

Tetapi kemudiannya ternyata batawa dalam tempoh 5 tahun ini pihak fakulti tidak berminat untuk menambah bilangan pelajarnya. Sementara pihak perjawatan tidak akan menambah bilangan guru kecuali jika ada pertambahan pelajar.

Perancangan ini masih boleh diteruskan berdasarkan kepada pengecilan kelas di peringkat fakulti. Cadangannya ialah bagi setiap kelas tutorial hanya dianggotai oleh 10 orang sahaja berbanding dengan 20 orang kini.

2. Perancangan asal pengambilan pelajar dari Kursus Persediaan guru hanya akan benar-benar bermanfaat jika kaedah pengajaran berkembar kemahiran dilaksanakan dengan betul dan ditangani oleh guru-guru yang berkebolehan. Maka adalah lebih baik untuk guru-guru Bahasa Arab yang cemerlang di Akademi Islam di pindahkan ke Kursus Persediaan Guru.

3. Kursus semasa cuti boleh dilaksanakan untuk guru-guru yang berpeluang untuk menyambung pengajiannya agar kaedah pengajaran guru-guru Bahasa Arab di Akademi Islam adalah bermutu. Kursus boleh dijalankan dengan menggunakan pakar-pakar Bahasa Arab sebagai bahasa ke dua dari Malaysia.

4. Syarat-syarat bagi penerimaan guru hendaklah diketatkan. Mempunyai pengkhususan Bahasa Arab hendaklah merupakan syarat yang mutlak minima diterima untuk mengajar di Akademi Islam.

Ini amatlah penting berdasarkan kepada pelajar-pelajar yang akan mendapi nanti adalah golongan yang kritikal. Mereka memerlukan guru yang menjadi sumber rujukan ilmu dan penyelesaian kepada masalah Bahasa Arab mereka.

#### 4.2.2 Akademi Islam.

Akademi Islam mempunyai bidang kuasa pentadbiran yang lebih luas berbanding Pusat Bahasa dalam menangani permasalahan pengajian Bahasa Arab di Akademi Islam kerana ia menentukan kebanyakannya aspek kurikulum Bahasa Arab seperti matlamat, polisi dan sukan pelajaran. Sementara itu Bahasa hanyalah sebagai pelaksana kepada tuntutan dan arahan Akademi Islam sahaja.

Antara yang perlu dilakukan oleh Akademi Islam demi untuk meningkatkan kesemerlangan pengajian Bahasa Arab ialah:-

1. Akademi perlu mengubah bentuk kurikulum yang wujud sekarang kepada yang lebih sesuai dengan matlamat pengajian Bahasa Arab di Akademi Islam dan matlamat penubuhan Akademi Islam itu sendiri. Proses mengubah ini adalah yang paling penting untuk dilakukan berdasarkan syarhakdah kemampuannya untuk mengubah warna keseluruhan aktiviti Bahasa Arab.

Perubahan boleh dimulakan dengan merombak semula sukanan pelajaran Bahasa Arab di Akademi Islam. Hanya selepas perubahan sukanan pelajaran baharulah pihak Pengajar Bahasa dapat menjalankan pula syarhakdah seperti pengambilan guru (jika perlu) atau pun menghantar pengajar Bahasa Arab menyambung pelajaran mereka dalam Kursus Bahasa Arab sebagai bahasa ke dua dan sebagainya.

2. Perlaksanaan pengajaran berbentuk kemahiran yang menekankan kepada pertuturan dan penulisan akan mendorong pelajar untuk selaras jasama mewujudkan persekitaran Bahasa Arab di Akademi Islam.

...  
bah pentadbiran boleh dilaksanakan berbagai-bagai program danaturan yang wajib diikuti oleh semua pihak yang akan terlibat dengan perancangannya. Malau bagaimanapun keseluruhan perancangan hendaklah dilaksanakan secara berperingkat supaya semua pihak dapat merimanya dengan gembira dan bersungguh.

Antara yang boleh dilakukan oleh Akademi Islam untuk mewujudkan perlakuan Bahasa Arab ialah:-

(1). Semua tenaga pengajar dilarah bertutur dalam Bahasa Arab tujuh samada mereka itu dari Akademi Islam sendiri atau dari Pusat Penyebarluasan, samada sezama sendiri atau pun ketika berbincang dengan pelajar kecuali ketika benar-benar hendak memberi ketahamaman samada di luar kelas atau pun di dalam kelas.

(2). Adalah satu perkara yang agak mustahil bagi pihak Akademi mengambil keseluruhan tenaga pekerjaan daripada mereka yang pandai bertutur dalam Bahasa Arab. Oleh itu adalah memadai dengan pihak ini ialah mengajar mereka nama-nama semua barang, bilik-bilik dan peralatan perkakas yang berada di sekeliling mereka dengan Bahasa Arab. Setiap pihak di Akademi Islam akan mengenali benda-benda tersebut di dalam Bahasa Arabnya bukan lagi di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

Sebelum perlaksanaan dijalankan, mereka hendaklah diberi penjelasan tentang usaha-usaha yang sedang dijalankan. Mereka juga diberi senarai nama-nama baharu bagi perlakas atau bilik di sekeliling mereka. Tenaga pengajar boleh memberi penerangan tentang maknaan-perkataan dan kegunaan,...,

(3). Sesua notis dan surat-surat pentadbiran untuk pelajar-pelajar Akademi Islam hendaklah dibuat di dalam Bahasa Arab. Sebarang ian yang akan dipamerkan juga mestilah di dalam Bahasa Arab.

(4). Pihak Akademi boleh bekerjasama dengan Persatuan Mahasiswa Akademi Islam Universiti Malaya untuk menerbitkan Makalah tentang sepiatan pihak pentadbiran AIUM atau pun majalah yang memuatkan sebagai-bagai kegiatan pelajar dan rencana-rencana yang selbagai di dalam Bahasa Arab.

Bahan-bahan yang terkandung di dalamnya adalah hasil tulisan pelajar atau pihak pentadbir sediri. Pelajar-pelajar hendaklah diminta menulis sebarang rencana yang diinginkan, misalnya tempoh dua bulan dengan kerjasama tenaga pengajar Bahasa Arab. Mempersiapkan penulisan secara sukarela dari pelajar-pelajar Akademi Islam adalah sesuatu yang tidak praktikal.

3. Pihak fakulti juga boleh mengajurkan satu program lawatan pelajar ke negara-negara yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa matinnya atau program pertukaran pelajar yang melibatkan pelajar-pelajar tahun akhir. Sekurang-kurangnya kegiatan seperti ini dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk menggunakan Bahasa Arab di dalam pembualan sehari-hari.

4. Kelab Bahasa Arab untuk pelajar-pelajar Akademi Islam berkumpul, berbincang dan melakukan aktiviti di dalam Bahasa Arab diwujudkan. Cedangan ini telah sering diperkatakan oleh pelajar dan tenaga pengajar tetapi masalah tentang siapalai yang sepatutnya

menguruskan kelab tersebut telah mengelakkan usaha-usaha penubuhannya terbantut.

Penulis merasakan bahawa adalah lebih baik jika pengurusan kelab ini dilantik di bawah pentadbiran Akademi Islam dengan pimpinan pelajar representatif Mahasiswa Akademi Islam Universiti Melayu bertindak sebagai wakil pelajar di dalam ahli jawatankuasa kelab tersebut. Ini memandangkan bahawa Kelab Bahasa Arab sebagaimana yang dicite-citakan bukan hanya sebuah bilik gerakar untuk berøasyuarat sahaja, bahkan akan dipenuhi dengan peralatan Audio-Visual. Peralatan ini memerlukan penjagaan professional. Sesiapapun juga yang akan dilantik bertindak, akan terpaksa menentukan peralatan yang perlu dibeli berdasarkan kecenderungan pengguna. Ia juga terpaksa memilih peralatan yang memuaskan hati majoriti pengguna, kesesuaian peralatan dengan keperluan penubuhan kelab, pemilihan tajuk-tajuk yang sesuai dan akhirnya akan membuat penilaian terhadap tugas-tugasnya dan kesiapanannya selepas tempoh yang tertentu. Mereka juga akan menentukan bentuk perkhidmatan yang akan dilaksanakan kepada pengguna.

Jika pihak Akademi Islam tidak berminat untuk menguruskan kelab ini, maka tanggungjawab pengurusan boleh diserahkan kepada tenaga pengajar memandangkan mereka adalah orang yang paling banyak memenuhi kriteria petugas sebuah kelab yang baik sebagaimana yang telah spesifik di atas. Pihak Akademi Islam hanya perlu menyediakan sebuah bilik yang mampu mengisi kehendak sebuah Kelab Bahasa Arab secara minimum. Semua peralatan boleh disediakan secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan.

Masih banyak lagi yang boleh dilakukan oleh pihak pentadbiran Akademi Islam dan Pusat Bahasa untuk mencapai suasana persekitaran bahasa Arab di Akademi Islam. Keadaan-keadaannya pula akan berubah dari sekarang ke depan berdasarkan kepada perubahan masyarakat.

### Program jangka panjang.

1. Penubuhan fakulti Bahasa Arab di bawah Akademi Islam. Fakulti akan manawarkan pengajaran Bahasa Arab sebagai bahasa ilmu dan pelajaran calonnya mestilah daripada mereka yang terbiasa dalam tutsan mata pelajaran Bahasa Arabnya.

Penubuhannya mempunyai matlamat untuk melahirkan seberapa ramai pelajar yang berkesempuan dan berilmu untuk mengisi kekosongan tenaga pengajar Bahasa Arab di Malaysia.

Dirasakan bahawa mereka akan dapat mengajar dengan lebih berkesan berdasarkan pengalaman yang telah didedahkan kepada mereka iaitu pengajaran berbentuk komahiron di peringkat Pra dan pembelajaran berbentuk ilmu secara mutlak di peringkat fakulti.

Untuk menjamin kemampuan mereka supaya berada di tahap yang seting tinggi, pihak fakulti boleh membuat hubungan dengan universiti-universiti luar negeri agar pelajar-pelajar dapat melanjutkan pelajaran ke sana untuk membuat sarjana atau pun menyambung pembelajaran selama dua tahun di sana selepas berada di Malaysia dua tahun untuk menyiapkan Ijazah Sarjana Mudanya.

2. Pihak fakulti seharusnya mengajurkan beberapa siri program

bentuk kursus-kursus Bahasa Arab dengan kerjasama dari tenaga pengajar Bahasa Arab sekolah-sekolah menengah. Selain dari itu, boleh diadakan minggu Bahasa Arab atau pameran buku-buku Bahasa Arab yang melahirkan motivasi kepada pelajar-pelajar sekolah dan tenaga pengajarnya dalam melaksanakan corak pembelajaran kemahiran untuk mata pelajaran Bahasa Arab.

Sila kebenaran yang diharapkan tercapai. Daripada program ini akan mengilinan besar Kursus Persediaan Pra-tidal perlu diwujudkan lagi pun ditukarkan matlamat asalnya kepada yang lebih bersetujuan dengan masalah semasa.

#### Kesimpulan.

Penyelesaian bagi permasalahan Bahasa Arab di Akademi Islam menggabungkan tanggungjawab semua pihak yang terlibat iaitu. pelajar, pengajar dan pihak pentadbiran Bahasa Arab. Mereka semua perlu bersama-sama melaksanakan tanggungjawab mereka berdasarkan tuntutan dan nilai Islam.

Apabila setiap pihak menyedari bahawa setiap titik peluh mereka bergerak penyelesaian permasalahan Bahasa Arab bererti peningkatan semangat Islam, maka langkah-langkah ke arah itu akan menjadi lebih mudah.

Penulis mendapati bahawa setiap masalah yang berbangkit, bersebab pada akhirnya ia tidak selibangan kurikulum Bahasa Arab. Oleh itu cadangan penyelesaian adalah berdasarkan kepada pemulihan keadaan yang tidak membangun itu.

Langkah pemulihan pula terletak di tangan pihak pentadbiran yang kuasa untuk melaksanakannya. Walaupun telah diketahui bahawa antara gkah percubaan itu akan membawa risiko, mereka mestilah sanggup menghadapinya. Penulis telah memberikan sedikit cadangan yang rasalan berseuaian dan praktikal untuk dilaksanakan oleh Akademi dalam keadaan sekarang.

Walaupun begaimanapun hanya selepas kurikulum bentuk baru yang peralihan sistem pengajaran berbentuk tematik yang menuntutkan baharulah seluruh cadangan-cadangan di atas dapat dilaksanakan dengan jaya dan adil.

Kerjaya kerana pelajar-pelajar dapat menggunakan aktiviti-aktiviti yang dicadangkan sebagai latihan tambahan kepada pembelajaran sekolah di dalam kelas. Adil kerana pelajar-pelajar disuruh atau dibenarkan melakukan aktiviti-aktiviti itu pada masa yang tepat.

Namun begitu semua perkara tersebut merupakan andaian yang perlu dilakukan dengan perlaksanaan. Rangka penyelesaian yang dipaparkan oleh penulis amat kasar dan perlu diperincikan sebelum sesuatu percubaan itu dilaksanakan agar hasil yang diperolehi nanti lebih baik berlesen.

Nila rujukan.

Theodore Hugesenar, How to teach foreign language effectively. New York: New York Universiti Press, 1965. s.8 4.

Utaraz: Abdullah Tahmin Abdul Latif, wawancara pada hari Selasa, 24-10-1989 bertempat di Pusat Bahasa Universiti Malaya.

Utaraz: Mohammad bin Daud, wawancara pada 24-8-1989 bertempat di Campus Nilam Puri, Kelantan.

Dr. 'Ariff K. Abu Khudairi pada hari Isnin, 23-10-1989 bertempat di Pusat Bahasa Universiti Malaya.

Ia disebut amali kerana keadaan ini menolak kepada latihan aktif. Ia dikatakan kesepadan kerana keadaan ini menyepadan ke empat-empat kemahiran iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Oleh kerana bahasa adalah kemahiran maka matlamat keadaan baharu ini bukanlah berbentuk pengajaran keadaan bahasa tetapi lebih kepada usaha untuk membolehkan pelajar mempelajari bahasa sebagaimana mereka mempelajari kemahiran-kemahiran lain seperti berenang, mewandu, menunggang dan sebagainya.

Keadaan ini memaksudkan bahasa sebagai sesuatu yang menyeluruh. Oleh itu ia tidak membahagikan Bahasa Arab kepada nahu, saraf, karangan, balaghah dan sebagainya. Ia tidak juga mengasingkan antara satu kemahiran dengan kemahiran yang lain. Oleh itu satu teks yang digunakan, boleh melatih pelajar mendengar, bertutur, membaca dan menulis secara serentak pada masa yang sama dan di kelas yang sama.

Nahu misalnya tidak boleh diajar sebagai nahu tetapi hanya lah sebagai pembantu pelajar untuk memaham, bertutur, membaca dan menulis Bahasa Arab dengan baik.

Matlamat utama pengajaran-pembelajaran Bahasa Arab bukanlah untuk membolehkan pelajar mencapai kecekapan bahasa tetapi adalah untuk mencapai kepada penggunaan bahasa. Penggunaan bahasa boleh dicapai dengan latihan amali mendengar, membaca, berbual dan menulis. Latihan ini berdasarkan kepada beberapa bentuk pengulangan seperti mendengar percatapan guru di dalam kelas, mendengar dari tape di makmal bahasa, membaca secara berkumpulan dan secara bebas, berbual, berucap, berbincang, membuat rencana, penulisan kajian dan sebagainya.

Pada keseluruhannya keadaan baharu ini dianjurkan untuk menggantikan keadaan tradisional yang wujud sekarang ini. Juga sebagai satu bentuk pengajaran yang bermanfaat dan teori baharu perbahasan berkaitan dengan pembelajaran-pengajaran bahasa ke dua.

Kertas kerja yang dibentangkan di bengkel guru-puru Bahasa Arab di Pusat Bahasa Universiti Malaya pada bulan November 1988 oleh Dr. 'Ariff K. Abu Khudairi.

Ustaz Abdullah Tahain Abdul Latif, wawancara pada hari Selasa, 24-10-1989 bertempat di Pusat Bahasa Universiti Malaya.

Prof. Dr. Omar Mohammad Al-Toumy Al-Syaibani, Falsafah Pendidikan Islam, terjemahan oleh Dr. Hassan Langgulung. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1970. m.s 333.

Diane Griffin, Slow Learner. A break in the circle. London: The Woburn Press, 1978. m.s 14.

Ustaz Mahaud Zuhdi bin Abdul Majid, wawancara pada hari Selasa 22-1-1990, bertempat di Al-Azam: Islam, Bangunan IPT, Universiti Malaya.